KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	13.04.22	MUKA SURAT	:	37
JABATAN	:	TNB			

TNB meterai MoU inisiatif tenaga hijau

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

PUTRAJAYA – Tenaga Nasional Berhad (TNB) menjalin kerjasama strategik dengan S P Setia Berhad (S P Setia) untuk menyediakan solusi tenaga pintar dan tenaga boleh baharu (RE) sebagai sumber utama elektrik masa hadapan kepada bakal pembeli kediaman dan bangunan komersial yang dibangunkan syarikat pemaju hartanah itu.

Melalui kerjasama tersebut, pemasangan sistem solar PV di atas bumbung, pemasangan pengecasan kenderaan elektrik (EV) dan persediaan pemasangan solusi bateri bakal dilaksanakan dalam projek pembangunan kediaman serta komersial S P Setia pada masa depan.

Ketua Pegawai Runcit TNB, Datuk Ir. Megat Jalaluddin Megat Hassan berkata, menerusi kerjasama tersebut, ia akan membolehkan rumah baharu yang dibina dilengkapi dengan panel solar tersebut.

"Maknanya, pada hari pertama pengguna menduduki rumah masing-masing maka mereka juga telah mendapat manfaat bumbung solar.



MUSTAPA (lima dari kiri) pada majlis menandatangani MoU antara TNB dengan S P Setia di Putrajaya semalam.

"TNB akan dapat melibatkan diri pada peringkat yang lebih awal bagi memastikan peluang yang lebih tinggi untuk menjadi pembekal solusi kepada S P Setia.

"Berbekalkan pengalaman dan kepakaran yang ada, TNB yakin mampu memanfaatkan 41 projek aktif S P Setia dan mengesyorkan produk yang relevan dengan teliti mengikut keperluan syarikat tersebut," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis menandatangani MoU antara TNB dengan S P Setia di sini semalam.

Turut hadir Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapha Mohamed; Pengerusi S P Setia Berhad, Tan Sri Syed Anwar Jamalullail dan Ketua Pegawai Eksekutif S P Setia Berhad, Datuk Choong Kai Wai.

Dalam pada itu, Kai Wai berkata, S P Setia menyasarkan nilai pembangunan kasar (GDV) sebanyak RM4 bilion untuk tahun ini yang mana Kumpulan bercadang menyediakan kemudahan solusi tenaga pintar dalam projek pembangunan akan datang.

"Ini merupakan satu pencapaian dalam kerjasama untuk menyediakan solusi tenaga mampan kepada bakal pemilik hartanah kami di masa hadapan dengan potensi penjimatan ketara dalam penggunaan tenaga sebagai nilai tambah," katanya.

Sementara itu, Mustapa menjelaskan, kerjasama entiti berkenaan menggambarkan komitmen yang kuat antara kedua-dua pihak terhadap tenaga hijau dalam menyokong usaha ke arah *Net Zero* seawal-awalnya menjelang tahun 2050.

"Ia adalah satu inisiatif istimewa yang menemukan dua entiti berbeza dalam bidang industri tenaga dan perumahan.

"Mereka berganding bahu demi matlamat bersama yang membawa kebaikan kepada negara," ujarnya.